

NO. SOALAN : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga hari ini berapakah hasil kewangan diperolehi oleh telaga minyak Bertam 307 dan pecahan agihan hasil kewangannya kepada pihak-pihak yang menerima hasil tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran pertama dari telaga minyak Lapangan Bertam adalah pada April 2015. Sebanyak 10% daripada pendapatan hasil jualan minyak telah disalur kepada Kerajaan Persekutuan untuk diagihkan bagi pelaksanaan program pembangunan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.